

TEMPOH KEMPEN / CAMPAIGN PERIOD

1. **Kempen 'TAP, SAVE & WIN' – SEKOLAH TANPA TUNAI BSN 2026 (SEKOLAH & MURID) ("Kempen")** dianjurkan oleh Bank Simpanan Nasional ("BSN") dan akan berlangsung dari **01 Ogos 2026 sehingga 30 November 2026 ("Tempoh Kempen")**, melainkan jika dimaklumkan sebaliknya oleh BSN dari semasa ke semasa. Kempen ini merangkumi empat (4) kategori, iaitu:

The 'TAP, SAVE & WIN' – BSN CASHLESS SCHOOL CAMPAIGN 2026 (SCHOOL & STUDENTS) ("Campaign") is organised by Bank Simpanan Nasional ("BSN") and shall run from 1st August 2026 until 30th November 2026 ("Campaign Period"), unless otherwise notified by BSN from time to time. The Campaign consists of four (4) categories, namely:

- a) Kategori Pertama: Anugerah Penabung Bijak BSN;
 - b) Kategori Kedua: Anugerah Bintang Simpanan BSN;
 - c) Kategori Ketiga: Anugerah Prestasi Cemerlang Tanpa Tunai BSN;
 - d) Kategori Keempat: Anugerah Insentif Akaun Sekolah BSN.
- a) *First Category: BSN Smart Saver Award;*
b) *Second Category: BSN Savings Star Award;*
c) *Third Category: BSN Cashless Excellence Award;*
d) *Fourth Category: BSN School Account Incentive.*
2. BSN merizabkan hak untuk meminda Tempoh Kempen tertakluk kepada peruntukan di dalam Klausa 38 Terma dan Syarat ini.
BSN reserves the right to vary the Campaign Period, subject to the provisions in Clause 38 of these Terms and Conditions.
3. Penyertaan yang tidak lengkap, tidak sah atau diterima selepas Tempoh Kempen akan dibatalkan secara automatik.
Incomplete, invalid or late applications received after the Campaign Period will be automatically disqualified.

KELAYAKAN / ELIGIBILITY

4. Kempen ini terbuka kepada Murid-Murid dan Sekolah ("**Peserta**") seperti berikut:
*This Campaign is open to Students and Schools ("**Participants**") as follows:*

- a) Murid – Murid/*Students*

Semua Murid yang menyertai Kempen ini bagi Kategori 1: Anugerah Penabung Bijak BSN dan Kategori 2: Anugerah Bintang Simpanan BSN hendaklah merupakan:

- i. Berumur tujuh (7) hingga tujuh belas (17) tahun.
- ii. Bersekolah di institusi yang melaksanakan Program Sekolah Tanpa Tunai BSN di Malaysia.
- iii. Pemegang Akaun Simpanan BSN di bawah salah satu produk berikut (selepas ini dirujuk sebagai "Akaun Simpanan Peserta"):
 - BSN Smart Junior (BSN BSJ); atau
 - BSN Skim Galakan Simpanan Pelajar (BSN SGSP).

All students participating in this Campaign under Category 1: BSN Smart Saver Award and Category 2: BSN Savings Star Award shall be:

- i. *Malaysian citizens.*
- ii. *Students aged seven (7) to seventeen (17) years old.*
- iii. *enrolled in a schools under the BSN Cashless School Program in Malaysia.*
- iv. *Participants must hold a BSN Savings Account under one of the following products (hereinafter referred to as the "Participant's Savings Account"):*
 - *BSN Smart Junior (BSN BSJ); or*
 - *BSN Skim Galakan Simpanan Pelajar (BSN SGSP).*

b) Sekolah/Schools

- i. Hanya Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah yang berdaftar di bawah Program Sekolah Tanpa Tunai BSN di seluruh Malaysia layak menyertai Kempen in bagi Kategori Ketiga: Anugerah Kecemerlangan Tanpa Tunai BSN.
- ii. Penyertaan terbuka kepada semua Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah di Malaysia, tanpa syarat berada di bawah Program Sekolah Tanpa Tunai BSN, untuk menyertai Kempen ini bagi Kategori Keempat: Anugerah Insentif Akaun Sekolah BSN.
- i. *Only Primary and Secondary Schools that are registered under the BSN Cashless School program across Malaysia are eligible to participate in this Campaign under the Third Category: BSN Cashless Excellence Award.*
- ii. *Participation is open to all Primary and Secondary Schools in Malaysia, without the requirement of being under the BSN Cashless School program, to join this Campaign under the Fourth Category: BSN School Account Incentive Award.*

MEKANISME KEMPEN / CAMPAIGN MECHANISME

5. KATEGORI 1: ANUGERAH PENYIMPAN BIJAK BSN CATEGORY 1: BSN SMART SAVER AWARDS

a) Murid mestilah memenuhi syarat-syarat berikut:

- i) Murid perlu membuat simpanan bulanan ke dalam Akaun BSJ/SGSP sepanjang tempoh kempen, dengan jumlah minimum RM50 setiap bulan. Simpanan tersebut mestilah daripada dana baharu iaitu merujuk kepada dana baharu yang dimasukkan ke dalam Akaun BSJ/SGSP. Ia tidak mengambil kira sama ada dana tersebut dipindahkan daripada institusi kewangan lain atau daripada akaun pelanggan yang sedia ada di BSN, asalkan amaun tersebut dikreditkan ke dalam Akaun BSJ/SGSP mereka.
- ii) Pada akhir setiap dua bulan, murid yang layak akan dikenal pasti dan diberikan barangan eksklusif yang diperuntukkan bagi tempoh tersebut selagi stok masih ada.
- iii) Murid yang menyimpan sekurang-kurangnya RM50 setiap bulan pada Ogos–September akan menerima satu barangan eksklusif, dan mereka yang meneruskan simpanan pada Oktober–November akan menerima barangan tambahan.
- iv) Barangan eksklusif ini adalah item koleksi, dan murid yang berjaya membuat simpanan pada setiap dua bulan dari Ogos hingga November akan dapat

mengumpul kesemua item, tertakluk kepada ketersediaan / selagi stok masih ada.

a) *Students must fulfil the following conditions:*

- i) *Students must make monthly deposits into their BSJ/SGSP Account throughout the campaign period, with a minimum of RM50 each month. These deposits must consist of fresh funds which refers to new funds deposited into the BSJ/SGSP account. It does not matter whether the funds are transferred from another financial institution or from the customer's other accounts maintained with BSN, as long as the amount is credited into their BSJ/SGSP account.*
- ii) *At the end of each quarter, eligible students will be identified and awarded exclusive merchandise allocated for that period, while stocks last.*
- iii) *Students who save at least RM50 monthly during August–September will receive one exclusive merchandise item, and those who continue saving in October–November will receive an additional item.*
- iv) *These exclusive merchandise items are collectible, and students who successfully save every quarter from August to November will be able to collect all items, thereby completing the full exclusive set, subject to availability.*

6. **KATEGORI KEDUA: ANUGERAH BINTANG SIMPANAN BSN SECOND CATEGORY: BSN SAVINGS STAR AWARD**

a) Murid mestilah memenuhi syarat-syarat berikut:

- i) Semua aktiviti simpanan yang diambil kira bagi anugerah mestilah dilakukan antara **1 Ogos 2026 hingga 30 November 2026**.
- ii) Peserta akan dibahagikan kepada dua kategori berdasarkan umur:
 - **Kategori Sekolah Rendah:** Murid berumur 7 hingga 12 tahun
 - **Kategori Sekolah Menengah:** Murid berumur 13 hingga 17 tahun.
- iii) Untuk dipertimbangkan dalam kategori ini, murid mestilah menunjukkan **pertumbuhan bersih simpanan tertinggi** antara **1 Ogos 2026 hingga 30 November 2026**.
- iv) Pemilihan pemenang akan dibuat berdasarkan **jumlah bersih simpanan yang terkumpul tertinggi dan dikekalkan** dalam Akaun BSJ/SGSP murid sepanjang Tempoh Kempen.

a) *The Students must fulfil the following conditions:*

- i) *All savings activities considered for the award must take place between **1st August 2026 until 30th November 2026**.*
- ii) *Participants will be divided into two age-based categories:*
 - **Primary School Category:** *Students aged 7 to 12 years old*
 - **Secondary School Category:** *Students aged 13 to 17 years old.*
- iii) *To qualify for consideration in this category, students must demonstrate the **highest net growth in savings** between **1st August 2026 until 30th November 2026**.*

- iv) *The selection of winners will be based on the **highest total net savings accumulated and retained** in the student's BSN/SGSP account during the campaign period.*

7. KATEGORI KETIGA: ANUGERAH KECEMERLANGAN TANPA TUNAI BSN
THIRD CATEGORY: BSN CASHLESS EXCELLENCE AWARD

- a) Sekolah akan dinilai berdasarkan kaedah pengiraan mata. Mata diberikan mengikut tiga kriteria utama:
- i) Pertama, bagi sekolah rendah, mata diberikan berdasarkan peratusan murid yang mendaftar Kad Murid dan melengkapkan pendaftaran melalui aplikasi Orijin School, dengan penyertaan lebih tinggi memperoleh lebih banyak mata. Bagi sekolah menengah, mata diberikan berdasarkan peratusan murid yang memiliki Kad Debit BSN, di mana peratusan lebih tinggi memperoleh lebih banyak mata.
 - ii) Kedua, bagi sekolah rendah, mata diberikan mengikut peratusan murid yang membuka Akaun BSN, dengan penglibatan lebih besar memperoleh mata tambahan. Manakala bagi sekolah menengah, mata diberikan berdasarkan aktiviti penggunaan kad (*tap activity*) murid di sekolah, dengan penyertaan lebih tinggi memperoleh lebih banyak mata.
 - iii) Akhir sekali, mata diberikan berdasarkan pertumbuhan bersih baki akhir sekolah, dengan pertumbuhan yang lebih tinggi memperoleh lebih banyak mata. Jumlah keseluruhan dikira dengan menggabungkan ketiga-tiga kriteria (i + ii + iii). Pemenang akan ditentukan berdasarkan jumlah mata tertinggi, dan sekiranya berlaku seri, sekolah dengan baki akhir yang lebih besar akan diberi keutamaan.
- a) *The Schools will be assessed based on a points calculation method. Points are awarded across three criteria:*
- i) *First, for primary schools, points are awarded based on the percentage of students who register for Student Cards and complete registration through the Orijin School application, with higher participation earning more points. For secondary schools, points are awarded based on the percentage of students holding BSN Debit Cards, where a higher percentage earns more points.*
 - ii) *Second, for primary schools, points are given according to the percentage of students who open BSN accounts, with greater participation earning additional points. In secondary schools, points are awarded based on student tap activity, where higher usage results in more points.*
 - iii) *Finally, points are awarded based on the net growth of the school's end balance, with greater growth resulting in higher points. The total score is calculated by combining all three criteria (i + ii + iii). Winners will be determined by the highest total points, and in the event of a tie, the school with the greater end balance will be given priority.*

8. KATEGORI KEEMPAT: ANUGERAH INSENTIF AKAUN SEKOLAH BSN
FOURTH CATEGORY: BSN SCHOOL ACCOUNT INCENTIVE

- a) Sekolah mestilah memenuhi syarat-syarat berikut:

- i) Penyertaan dibuka kepada semua sekolah rendah dan sekolah menengah di seluruh negara.
 - ii) Sekolah hendaklah berjaya membuka Akaun Korporat BSN atau Akaun BSN GIRO-i Premium di bawah akaun utama sekolah sepanjang tempoh kempen sahaja, dan hanya pembukaan akaun dalam tempoh tersebut akan diambil kira.
 - iii) Hanya 100 sekolah terawal yang melengkapkan proses pembukaan akaun dengan BSN akan layak.
 - iv) Setiap sekolah yang layak akan menerima ganjaran sebanyak RM500 yang akan dikreditkan terus ke dalam akaun korporat BSN yang baru dibuka.
 - v) Penyertaan adalah terhad kepada satu akaun bagi setiap sekolah, dan insentif akan diberikan berdasarkan prinsip siapa cepat dia dapat, ditentukan melalui tarikh rasmi pembukaan akaun BSN.
- a) *The Schools must meet the following conditions:*
- i) *Participation is open to all primary and secondary schools nationwide.*
 - ii) *The school must successfully open a BSN Corporate Account or BSN GIRO-i Premium Account under the school's main account during the campaign period only, and only account openings within this period will be taken into consideration.*
 - iii) *Only the first 100 schools that complete the account opening process with BSN will be eligible.*
 - iv) *Each eligible school will receive a reward of RM500, credited directly into the newly opened BSN corporate account.*
 - v) *Participation is limited to one account per school, and incentives will be awarded strictly on a first-come, first-served basis, determined by the official BSN account opening date.*

PEMILIHAN PEMENANG DAN HADIAH / WINNERS SELECTION AND PRIZES

9. Berikut adalah hadiah yang ditawarkan kepada para pemenang dari kalangan Sekolah dan Murid ("Pemenang") dalam Kempen ini ("Hadiah"):
Prizes offered to all winners amongst the Schools and Students ("Winner") in this Campaign are as follows ("Prizes"):

a) KATEGORI PERTAMA: ANUGERAH PENYIMPAN BIJAK BSN
FIRST CATEGORY: BSN SMART SAVER AWARDS

Mekanik Ganjaran Suku Tahun / Quarterly Reward Mechanics	
Tempoh / Period	Ganjaran / Rewards
Ogos - September <i>August – September</i>	Barangan Eksklusif. <i>Exclusive merchandise item.</i>
Oktober - November <i>October – November</i>	

Catatan: Pada akhir setiap suku tahun, murid yang konsisten membuat simpanan minimum RM50 ke dalam akaun BSJ setiap bulan akan dikenal pasti sebagai layak, dan mereka akan menerima barangan eksklusif yang diperuntukkan bagi suku tahun

tersebut selagi stok masih ada; murid yang berjaya menyimpan setiap suku tahun sepanjang kempen akan mengumpul semua barangan eksklusif, sekali gus melengkapkan set penuh tertakluk kepada ketersediaan., dan agihan akan dibuat berdasarkan prinsip *first-come, first-served* mengikut susunan sekolah mengemukakan senarai nama pelajar yang telah disahkan.

Notes: At the end of each quarter, students who have consistently deposited a minimum of RM50 into their BSJ savings account every month will be identified as eligible, and they will receive the exclusive merchandise allocated for that quarter while stocks last; students who successfully save every quarter throughout the campaign will collect all merchandise items, thereby completing the full exclusive set subject to availability.

b) KATEGORI KEDUA: ANUGERAH SIMPANAN CEMERLANG BSN
SECOND CATEGORY: BSN SAVINGS STAR AWARD

Kategori / Category	Tahap / Ranking	Pemenang / Winners	Ganjaran Tunai / Cash Reward (RM)
Murid Sekolah Rendah / Primary Students	1	1	2,000
	2	1	1,000
	3	1	800
	4-6	3	300
	7-10	4	100
	Jumlah / Total	10	5,100
Murid Sekolah Menengah/ Secondary Students	1	1	2,000
	2	1	1,000
	3	1	800
	4-6	3	300
	7-10	4	100
	Jumlah / Total	10	5,100

Catatan: Pemenang akan ditentukan berdasarkan jumlah pertumbuhan bersih simpanan tertinggi yang terkumpul dalam akaun simpanan BSJ murid sepanjang tempoh kempen dari 1 Ogos 2026 hingga 30 November 2026. Murid yang menunjukkan pertumbuhan bersih simpanan tertinggi dalam kategori masing-masing akan dipilih sebagai pemenang Anugerah Simpanan Cemerlang BSN. Sekiranya berlaku seri, pemilihan pemenang akan ditentukan berdasarkan baki akhir simpanan tertinggi. Jika baki akhir adalah sama, tarikh transaksi akan diambil kira dan murid yang mencapai baki tersebut terlebih dahulu akan diisytiharkan sebagai pemenang.

Notes: Winners will be determined based on the highest total net growth in savings accumulated in the student's BSJ savings account during the campaign period from 1 August 2026 to 30 November 2026. Students who demonstrate the highest net growth in savings within their respective category will be selected as the winner of BSN Savings Star Awards. In the event of a tie, the winner will be determined based on the highest end balance. If the end balance is also the same, the date of transactions will be taken into account, and the student who achieved the balance first will be declared the winner.

c) KATEGORI KETIGA: ANUGERAH KECEMERLANGAN TANPA TUNAI BSN
THIRD CATEGORY: BSN CASHLESS EXCELLENCE AWARD

Kategori / Category	Tahap / Ranking	Pemenang / Winners	Ganjaran Tunai / Cash Reward (RM)
	1	1	4,000

Sekolah Rendah Primary Schools	2	1	3,000
	3	1	2,000
	4-6	3	1,000
	7-10	4	500
	Jumlah / Total	10	14,000
Sekolah Menengah Secondary Schools	1	1	4,000
	2	1	3,000
	3	1	2,000
	4-6	3	1,000
	7-10	4	500
	Jumlah / Total	10	14,000

Catatan/Notes:

- (1) Sekolah akan dinilai melalui kaedah pengiraan mata berdasarkan tiga kriteria Utama yang dinyatakan di Klausa 7 a) i), ii) dan iii). Jumlah keseluruhan mata ditentukan dengan menggabungkan ketiga-tiga kriteria (i + ii + iii), dan Pemenang akan dipilih berdasarkan jumlah mata tertinggi. Sekiranya berlaku seri, sekolah dengan baki akhir yang lebih besar akan diberikan keutamaan.
Schools will be evaluated based on a points calculation method across three criteria stipulated under Clause 7 a) i), ii) and iii). The total score is determined by combining all three criteria (i + ii + iii), and the Winners will be selected based on the highest overall points. In the event of a tie, the school with the greater end balance will be given priority.
- (2) Hadiah hanya akan dikreditkan ke dalam akaun Akaun Korporat BSN atau Akaun BSN GIRO-i Premium Pemenang atau kantin atau kedai buku/koperasi di Sekolah berkenaan. Sekiranya Pemenang, kantin atau kedai buku/koperasi Sekolah tidak mempunyai akaun BSN, Pemenang diwajibkan membuka akaun BSN baharu; jika tidak, BSN berhak membatalkan penyertaan mereka dan memilih pemenang lain untuk menerima Hadiah tersebut.
The Prize will only be credited into the BSN Corporate Account or BSN GIRO-i Account of the Winner or the School canteen or book shop/cooperative. If the Winner, School canteen and bookshop/cooperative do not have a BSN account, the Winner must open one; otherwise, BSN reserves the right to disqualify their participation and select another winner to receive the Prize.

d) KATEGORI KEEMPAT: ANUGERAH INSENTIF AKAUN SEKOLAH BSN
FOURTH CATEGORY: BSN SCHOOL ACCOUNT INCENTIVE

Kategori Category	Jumlah Pemenang Total Winners	Ganjaran Tunai (RM/Sekolah) Cash Reward (RM/Per School)
Sekolah Rendah & Sekolah Menengah <i>Primary & Secondary Schools</i>	100	500

Catatan/Notes:

- (1) Pemenang akan ditentukan berdasarkan prinsip yang terawal didahulukan. Hanya seratus (100) sekolah terawal yang berjaya membuka Akaun Korporat BSN atau BSN GIRO i Premium yang didaftarkan di bawah akaun utama sekolah (bermaksud akaun hendaklah didaftarkan di bawah nama rasmi sekolah) akan layak menerima insentif. Penentuan kelayakan adalah berdasarkan tarikh rasmi pembukaan akaun dengan BSN.
The Winners shall be determined on a first come, first served basis. Only the first one hundred (100) schools that successfully open a BSN Corporate Account or BSN GIRO i Premium registered as the school's main account (means the account must be registered under the school's official name) will be eligible to receive the incentive. Eligibility shall be determined according to the official BSN account opening date.
- (2) Hadiah hanya akan dikreditkan ke dalam akaun BSN Pemenang yang dibuka dalam Kempen ini. Sekiranya akaun BSN tersebut didapati telah ditutup ketika pembayaran ingin dibuat, BSN berhak membatalkan penyertaan Pemenang dan memilih pemenang lain untuk menerima Hadiah tersebut.
The Prize will only be credited into the Winner's BSN account that is opened during the Campaign. If during the payment process it is found that the Winner's BSN account has been closed, BSN reserves the right to disqualify the Winner's participation and select another winner to receive the Prize.
10. (Jika berkenaan) BSN berhak dengan budi bicaranya untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan barangan yang sama nilainya, pada bila-bila masa tanpa notis jika Hadiah tersebut tidak tersedia atas apa jua alasan. Semua Hadiah diberikan dalam 'keadaan sedia ada' dan tidak boleh ditukarkan dengan wang tunai, kredit, barangan lain atau baucar, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.
(If applicable) BSN reserves the right in its discretion to substitute any of the Prizes with items of equivalent value, at any time without prior notice if the awarded Prizes are unavailable for any reason whatsoever. All Prizes are given on an "as is" basis and are not exchangeable for cash, credit, other items or voucher, in part or in full.
11. BSN tidak memberi sebarang representasi atau jaminan berkenaan dengan kualiti dan/atau kesesuaian apa sahaja Hadiah dan tidak bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang Hadiah yang hilang, dicuri, cacat dari segi bahan atau pertukangan oleh pengilang di bawah jaminan atau sebaliknya. Pemenang perlu berurusan secara langsung dengan pengilang untuk maklumat jaminan atau tuntutan tanpa perlu melalui BSN.
BSN makes no representation or warranty with respect to quality and/or suitability of the Prizes and shall not be responsible to replace any lost, stolen or defective Prizes due to defects in materials or workmanship by manufacturer under warranty or otherwise. The Winner shall deal directly with the manufacturer for such warranty information or claim without recourse to BSN.
12. Butiran Pemenang (nama pemenang) akan dipaparkan di www.bsn.com.my ("**Laman Web BSN**") dan paparan tersebut dipersetujui oleh Pemenang-pemenang.
The Winners' details (Winner's name) will be published at www.bsn.com.my ("BSN's Website") and the publication is consented by the Winners.
13. Pemenang-pemenang akan dimaklumkan melalui telefon dan/atau SMS dan/atau sebarang kaedah lain yang difikirkan sesuai oleh BSN sebelum/selepas butiran Pemenang-pemenang dipaparkan dan diumumkan di Laman Web BSN.

The Winners will be notified by telephone and/or sms and/or any other method(s) deemed suitable by BSN before/after the Winners' details being published and announced on BSN's Website.

14. BSN merizabkan hak untuk memilih Pemenang-pemenang tambahan untuk menggantikan mana-mana Pemenang yang mungkin tidak layak atau tidak dapat dihubungi atau hilang kelayakan atas apa-apa jua sebab lain.
BSN reserves the right to select any additional Winners to substitute any Winners who may be ineligible, cannot be contacted or disqualified for any reason whatsoever.
15. Semua Pemenang mesti mematuhi Terma dan Syarat yang disertakan dengan Hadiah, sekiranya ada.
All Winners shall abide to the Terms and Condition attached to the Prizes, if any.
16. BSN berhak untuk meminta dokumen pengenalan diri dan bukti kelayakan daripada mana-mana Peserta sebelum memberikan Hadiah.
BSN reserves the right to request identification documents and proof of eligibility from any Participant(s) prior to awarding any Prize.
17. Setiap Pelanggan yang Layak yang dipilih sebagai Pemenang layak menerima Hadiah bagi semua kategori sekiranya memenuhi syarat kelayakan, sepanjang Tempoh Kempen.
Each Participant(s) selected as a Winner is entitled to receive Prizes in all categories, provided they meet the eligibility requirements, throughout the Campaign Period.
18. BSN tidak memberi sebarang representasi atau jaminan berkenaan dengan kualiti dan/atau kesesuaian apa sahaja Hadiah dan tidak bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang Hadiah yang hilang, dicuri atau rosak semasa penghantaran.
BSN makes no representation or warranty with respect to quality and/or suitability of the Prizes and shall not be responsible to replace any lost, stolen or defective Prizes during delivery.
19. Penentuan Pemenang adalah muktamad. Tiada sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau protes berhubung perkara ini akan dilayan.
The determination of the Winners is final. No correspondence, queries, appeals or protest on this matter will be entertained.
20. BSN tidak menjamin atau menjanjikan sebarang keputusan tertentu kepada mana-mana Peserta berhubung penyertaan dalam Kempen ini.
BSN does not guarantee or not promise any specific results to the Participants in relation to the participation in this Campaign.

HAK BANK / THE BANK'S RIGHTS

21. BSN mempunyai hak untuk mengubah, menggantung atau membatalkan Kempen ini pada bila-bila masa dan atas apa jua sebab termasuk tetapi tidak terhad kepada sekiranya ia tidak dapat berjalan seperti yang dirancang atas sebarang sebab termasuk gangguan atau kerosakan teknikal, termasuk tetapi tidak terhad kepada jangkitan virus komputer, pepijat, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, atau apa-apa sebab di luar kawalan BSN. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Peserta secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan ini.

BSN reserves the right to modify, suspend or cancel this Campaign at any time in the event that it becomes incapable of running as planned, technically interfered or corrupted, including but not limited to infection by computer virus, bugs, tampering, unauthorised intervention, fraud, technical failures, or any other causes beyond the control of BSN. BSN will not be held responsible or accept any liability incurred by the Participant(s) directly or indirectly, caused by the modification, suspension or cancellation of this Campaign

22. BSN berhak, mengikut budi bicaranya, untuk membatalkan penyertaan mana-mana Peserta yang didapati atau disyaki menyalahgunakan proses Kempen, operasi Kempen ini atau melanggar Terma dan Syarat Kempen. BSN mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang BSN percayai telah melaksanakan aktiviti penipuan atau lain-lain aktiviti yang memberi kesan buruk kepada Kempen ini dan/atau BSN.

BSN reserves the right, in its discretion, to disqualify any Participant(s) that is found or suspected of tampering with the Campaign's process, the operation of this Campaign or to be in violation of the Terms and Conditions of this Campaign. BSN reserves the right to pursue legal action against any individual it believes has undertaken fraudulent activities or other activities harmful to this Campaign and/or BSN.

LIABILITI DAN TANGGUNGJAWAB / LIABILITY AND RESPONSIBILITY

23. Peserta adalah bertanggungjawab dan hendaklah menanggung sepenuhnya sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang timbul akibat daripada penyertaan Kempen ini.

The Participant(s) shall assume full liability and responsibility in case of any liability, mishap, injury, damage, claim or accidents (including death) resulting from their participation in this Campaign.

24. Sebarang kos, fi dan/atau perbelanjaan untuk menyertai Kempen ini yang ditanggung atau akan ditanggung untuk menyertai Kempen ini dan/atau menuntut Hadiah termasuk tetapi tidak terhad kepada kos untuk pengangkutan, penginapan, makan, kos peribadi dan/atau sebarang kos lain (mana-mana yang berkaitan) di bawah tanggungjawab penuh Peserta dan/atau Pemenang.

Any costs, fee and/or expenses incurred to participate in this Campaign and/or to redeem the Prize including but not limited to the cost for transportations, accommodation, meals, personal costs and/or any other costs (whichever is relevant is the sole responsibility of the Participants and/or Winners).

25. BSN juga tidak akan bertanggungjawab terhadap gangguan teknikal seperti penambahbaikan sistem dan sebagainya yang menghalang mana-mana Peserta daripada menyertai Kempen ini. *BSN is not responsible for technical problems such as system upgrading or similar circumstances that may prevent any Participant(s) from participating in this Campaign.*

26. BSN berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak daripada menyertai atau menerima sebarang hadiah di bawah Kempen ini sekiranya Pelanggan Layak:

BSN reserves the right to disqualify any Participant(s) from participating or receiving any prize under this Campaign if the Participant(s):

- (a) didapati mempunyai status akaun tertunggak (di BSN atau mengikut rekod agensi kredit);
is found to have a delinquent account status (at BSN or according to the credit agency's record);
- (b) diisytiharkan muflis atau sedang menjalani prosiding kebangkrutan; atau
is declared bankrupt or is undergoing bankruptcy proceedings; or
- (c) gagal mematuhi Terma dan Syarat produk yang berkaitan atau Kempen ini.
fails to comply with the Terms and Conditions of the relevant product or this Campaign

Kelucutan hak kelayakan ini boleh dilakukan pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu.

Such disqualification may be exercised at any time without prior notice.

DATA PERIBADI / PERSONAL DATA

27. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta dengan ini bersetuju memberikan keizinan kepada BSN dan/atau sekutu berkenaan dengannya dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada, dan membenarkan butir-butir peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi dan butiran penyertaan seperti yang diberikan kepada BSN untuk tujuan Kempen ini dikumpulkan, direkodkan, diproses dan digunakan oleh BSN dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada:

By participating in this Campaign, the Participant(s) hereby voluntarily gives express consent to BSN and/or its affiliates and/or third party service providers engaged by BSN, if any, and consents to the use of their personal details including without limitation to, the personal data and participation details as provided to BSN for the purposes of this Campaign being collected, recorded, processed and used by BSN and/or third party service providers engaged by BSN, if any:

- a) untuk tujuan Kempen ini selaras dengan Polisi Privasi BSN, yang boleh didapati di Laman Sesawang BSN; atau
for the purposes of this Campaign in accordance with BSN's Privacy Policy, which may be viewed on BSN's Website; or
- b) untuk mematuhi undang-undang, peraturan, polisi dan garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia dan badan penyelia; atau
to comply with laws, rules, regulations, policies and guidelines imposed by the Government of Malaysia or regulatory authority; or
- c) untuk mematuhi perintah atau arahan Mahkamah; atau
to comply with a Court order or direction; or
- d) untuk mengesahkan status akaun Peserta dengan mana-mana pihak ketiga (jika berkenaan); atau
to verify the Participant's account status with any third party (if relevant); or
- e) apabila diminta secara bertulis oleh Peserta; atau
where the Participant(s) request in writing; or

- f) untuk melindungi dan mempertahankan BSN dan aset BSN.
to protect and defend BSN or BSN's asset.
28. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat di sini dengan Polisi Privasi BSN, Polisi Privasi BSN akan diguna pakai.
In the event of any inconsistency between this Terms and Conditions with BSN's Privacy Policy, BSN's Privacy Policy shall prevail.
29. Peserta dengan ini memberi kuasa kepada BSN untuk mendapatkan sebarang maklumat daripada mana-mana pihak, organisasi, pihak berkuasa, syarikat, korporat atau mana-mana entiti lain yang BSN anggap bersesuaian berkaitan dengan akaun Peserta atau perkhidmatan perbankan dan membenarkan pendedahan tersebut oleh pihak tersebut, jika berkaitan.
The Participant(s) hereby authorises BSN to procure any information from any party, organisation, authority, company, corporate or any other entity as BSN deem fit in connection with the Participant(s) account or banking services and authorises such disclosure by such person, if relevant.
30. Individu Yang Layak memberi kuasa kepada BSN untuk mendapatkan sebarang maklumat daripada mana-mana pihak, organisasi, pihak berkuasa, syarikat, korporat atau mana-mana entiti lain yang BSN anggap bersesuaian berkaitan dengan akaun Individu Yang Layak atau perkhidmatan perbankan dan membenarkan pendedahan tersebut oleh pihak tersebut, jika berkaitan.
The Eligible Individuals hereby authorises BSN to procure any information from any party, organisation, authority, company, corporate or any other entity as BSN deem fit in connection with the Eligible Individual's account or banking services and authorises such disclosure by such person, if relevant.
31. Peserta mempunyai hak pada bila-bila masa untuk:
Participant(s) has the right at any time to:
- a) Menarik balik kebenaran yang diberikan untuk menggunakan Data Peribadi;
Withdraw their consent for the use of Personal Data;
 - b) Meminta apa-apa pembetulan dilakukan / mengemaskini Data Peribadi; dan
Request for any correction / update of Personal Data; and
 - c) Bertanyakan sebarang pertanyaan mengenai penggunaan Data Peribadi
Raise any questions regarding the use of Personal data
- Dengan menghubungi BSN sepertimana dinyatakan dalam Polisi Privasi BSN.
By contacting BSN as stipulated in BSN's Privacy Policy.
32. Peserta bersetuju penarikan balik kebenaran untuk menggunakan Data Peribadi mungkin menjejaskan perkhidmatan yang disediakan oleh BSN atau penyertaan Kempen dan oleh itu BSN mempunyai hak untuk menghentikan perkhidmatan BSN atau penyertaan Kempen oleh Peserta yang dikaitkan dengan Data Peribadi tersebut dengan memberikan notis kepada Peserta.
The Participant(s) agrees that the withdrawal of permission to use Personal Data may affect the services provided by BSN or participation in the Campaign and therefore BSN has the right to discontinue BSN services or the Participant(s)' participation in the Campaign associated with such Personal Data by giving notice to the Participant(s).

TERMA & SYARAT AM / GENERAL TERMS & CONDITIONS

33. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta dianggap telah bersetuju:
By participating in this Campaign, all Participant(s) deemed to have agreed:
- a) Untuk terikat dengan Terma dan Syarat di sini, Terma dan Syarat bagi Sekolah Tanpa Tunai BSN dan lain-lain terma dan syarat yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa termasuk apa-apa pindaan; dan
To be bound by the Terms and Conditions herein, Terms and Conditions of BSN MyCashless School and any other terms and conditions stipulated by BSN from time to time including any amendment thereto; and
 - b) Untuk mengakses Laman Web BSN dan / atau mana-mana halaman media sosial rasmi BSN dari semasa ke semasa untuk memastikan Peserta sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma dan Syarat.
To access to BSN's Website and/or any of BSN's official social media page on a regular basis to ensure that the Participant(s) is updated with any change or variation made to the Terms and Conditions.
34. Semua keputusan yang dikeluarkan BSN berkaitan Kempen ini adalah muktamad, terikat ke atas semua Peserta, konklusif dan tidak boleh dipertikaikan. Sebarang surat menyurat, rayuan dan/atau percubaan untuk mempertikaikannya tidak akan dilayan.
All BSN's decisions relating to the Campaign are final, binding on all Participant(s), conclusive and undisputable. No further correspondence and/or appeal to dispute the same will be entertained.
35. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta memberi kebenaran kepada BSN untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar atau lain-lain maklumatnya untuk tujuan pengiklanan dan promosi semasa dan akan datang dan pengumuman Pemenang dalam apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh BSN dan/atau penyedia perkhidmatan yang diberikuasa oleh BSN. Peserta tidak berhak untuk menuntut pemilikan atau lain-lain bentuk gantirugi ke atas butiran yang dipaparkan atau dipamerkan tersebut.
By participating in this Campaign, the Participant(s) consents to BSN the right to publish or display their name, picture or any other information for current and future advertising and promotional purposes and Winner announcement in any manner that BSN and/or its authorized service providers deems appropriate. The Participant(s) are not entitled to claim for the ownership or any other type of compensation on such details that are published or advertised.
36. Dalam semua keadaan, BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, kecuaiian atau sebaliknya, berkaitan dengan Kempen.

In all circumstances, BSN shall not be held responsible and/or liable for any loss or damages (including without limitation to loss of income, profits or goodwill, direct or indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive or special damages of any party including third parties) howsoever arising whether in contract, negligence or otherwise, in connection with the Campaign.

37. BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung dan juga tidak menerima sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Peserta yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung dalam menyertai Kempen ini atau sebaliknya. BSN tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kemungkiran obligasi di bawah Kempen ini disebabkan oleh kejadian *force majeure* yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, pandemik dan/atau epidemik peperangan, rusuhan, sekat masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah BSN.

BSN shall not be held responsible and/or liable nor shall it accept any form of liability in whatsoever nature and howsoever arising or suffered by Participant(s) resulting, directly or indirectly, from participation in the Campaign or otherwise. Furthermore, BSN shall not be held liable for any default of its obligation under the Campaign due to any force majeure event which includes but not limited to act of God, pandemic and/or epidemic, war, riot, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm or any event beyond the reasonable control of BSN.

38. BSN berhak mengikut budi bicaranya untuk meminda, mengubah, membatalkan atau menambah mana-mana Terma dan Syarat ini, keseluruhan atau sebahagian, termasuk tidak terhad kepada Tempoh Kempen, tarikh permulaan dan tarikh tamat Tempoh Kempen, pada bila-bila masa dengan memberikan notis selama tujuh (7) hari dengan memaparkan pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan tersebut melalui maklumat di Laman Web BSN dan/atau halaman media sosial rasmi BSN, melalui pos, media massa, paparan notis di cawangan BSN, melalui alat elektronik atau apa-apa kaedah komunikasi yang BSN fikirkan sesuai. Sebarang pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan kepada Terma dan Syarat ini akan mengikat Peserta. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Peserta secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan ini.

BSN reserves the right at its discretion to amend, vary, delete or add to any of these Terms and Conditions, in whole or in part, including but not limited to the Campaign Period, commencement and end date of the Campaign, at any time by giving a seven (7) day notice prior to such amendment, variation, deletion or addition by posting at BSN's Website and/or BSN official social media page, by post, by notification in the mass media, by posting the notice in BSN's branches or by electronic transmission or any other method of communication that BSN think appropriate. Any amendment, variation, deletion or addition to the Terms and Conditions herein shall be binding on the Participant(s). BSN will not be responsible for or accept any liability incurred by the Participant(s), directly or indirectly, caused by the changes.

39. Sebarang pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan kepada Terma dan Syarat ini akan mengikat Peserta dan dianggap sebagai telah dibawa ke perhatian dan pengetahuan semua Peserta melalui paparan di cawangan BSN atau melalui notis yang dihantar oleh BSN atau pengiklanan di halaman media sosial rasmi BSN atau mana-mana medium lain yang difikirkan sesuai oleh BSN.

Any amendment, variation, deletion or addition to the Terms and Conditions herein shall be binding on the Participant(s) and be deemed to be brought to the Participant(s)' attention and knowledge by its display at BSN's branches or by notice being sent by BSN or by advertisement at BSN's official social media page or BSN Website or by any other mode which BSN deems fit.

40. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat Kempen ini dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka Terma dan Syarat ini akan terpakai. Sebarang perkara mengenai Kempen yang tidak dinyatakan di dalam Terma dan Syarat adalah tertakluk kepada budi bicara pihak BSN.

In the event of any inconsistency between the Terms and Conditions and any advertising, promotional, publicity and other materials relating to or in connection with the Campaign, then these Terms and Conditions shall prevail. Any matter with regards to the Campaign which is not stated under these Terms and Conditions is subject to BSN's discretion.

41. Semua bahan berkaitan Kempen termasuk tetapi tidak terhad kepada reka bentuk, logo, kandungan promosi dan bahan cetakan adalah hak milik BSN dan tidak boleh digunakan tanpa kebenaran bertulis daripada BSN.

All materials related to the Campaign including but not limited to designs, logos, promotional content and printed materials are the intellectual property of BSN and shall not be used without prior written consent from BSN.

42. Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaya.

These Terms and Conditions shall be subject to and construed in accordance with the laws of Malaysia and subject to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaya.

43. Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut berhubung Kempen ini, sila hubungi BSN di 03-2613 1900.

For more information and query relating to the Campaign, please contact BSN at 03-2613 1900.

**- TERMA DAN SYARAT KEMPEN TAMAT -
- END OF CAMPAIGN TERMS AND CONDITIONS -**